

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025



Laporan Tahunan **2019**

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)





**PRAKATA**

KETUA SETIAUSAHA	2
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA	3
MANTAN KETUA SETIAUSAHA	4

**MENINGKATKAN AKSES DALAM PENDIDIKAN**

PENINGKATAN AKSES DARIPADA PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS	6
PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS	8
PENINGKATAN KUALITI PENDIDIKAN VOKASIONAL	9

**MENINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN**

PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU	11
PENGUKUHAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS	12
PENGUKUHAN PENDIDIKAN STEM	13
PEMBUDAYAAN KBAT DALAM PAK21	14
PELIBATAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN SWASTA	17
PEMANTAPAN PROFESIONALISME PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)	18
PEMERKASAAN INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) DAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)	19
PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI SEKOLAH RENDAH (PLaN)	20

**MENINGKATKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN**

TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PERIBUMI	22
PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)	24

**MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM PENDIDIKAN**

PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS DI SEMUA SEKOLAH	27
PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN KPM	28
PELAKSANAAN TRANSFORMASI ICT DAN PENINGKATAN PENGURUSAN DATA KPM	29

**MEMBANGUNKAN NILAI DAN SAHSIAH MURID DAN MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN**

PEMBANGUNAN NILAI, SAHSIAH DAN PERPADUAN DI SEKOLAH	31
---	----

**MELANGKAH KE HADAPAN**

KAJIAN PERTENGAHAN PENGGAL PPPM 2013-2025	33
EDUFLUENCER	34





# PRAKATA

**DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF**  
**KETUA SETIAUSAHA**  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam Sejahtera.

Syukur alhamdulillah saya telah diberi peluang dan kepercayaan mengetuai barisan pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Masih segar di ingatan saya pembangunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, yang dicetuskan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang pada ketika itu merupakan Menteri Pendidikan, telah melalui proses yang amat komprehensif merangkumi antaranya sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan dan maklum balas yang diterima dari semua pemegang taruh telah dikaji dan diperhalusi bagi memastikan pembangunan PPPM ini menepati matlamatnya iaitu menjadi rujukan pembangunan pendidikan bagi tempoh 2013-2025. Ianya bukanlah sesuatu yang mudah tapi alhamdulillah, akhirnya PPPM 2013-2025 telah berjaya dilancarkan pada 6 September 2013. Sedar tidak sedar, PPPM akan memasuki gelombang ketiga pelaksanaan pada tahun hadapan.

Di samping meneruskan inisiatif PPPM 2013-2025 yang masih belum sampai ke penghujungnya, pihak PADU dengan bantuan KPM telah menjalankan penilaian terhadap keberhasilan PPPM 2013-2025 di pertengahan gelombang kedua pada tahun 2018 dan 2019. Penilaian ini adalah penting dalam usaha menambah baik inisiatif di bawah PPPM 2013-2025, untuk diterjemahkan dan direalisasikan secara berperingkat sesuai dengan keadaan semasa, seiring dengan peranan pendidikan sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi yang akan memberi kesan langsung dalam kualiti kehidupan setiap rakyat Malaysia.

Untuk memastikan kelestarian inisiatif yang telah dilaksanakan dalam mencapai matlamat yang ditetapkan, kita juga perlu akur dengan keadaan semasa dan realiti baharu yang mencabar kaedah yang biasa digunakan bagi mengukur pencapaian murid di sekolah. Kebergantungan kepada keputusan peperiksaan pusat bagi menilai

tahap pencapaian akademik telah menyebabkan kurangnya penekanan terhadap menimba ilmu pengetahuan, kemahiran serta penerapan nilai yang diperolehi daripada sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh itu, kaedah-kaedah baharu perlu diadakan bagi memastikan sektor pendidikan negara kekal relevan dengan tuntutan semasa dan masa hadapan.

Inisiatif yang dilaksanakan dalam memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan melalui penggunaan teknologi terkini yang sesuai dan berkeupayaan tinggi, pengukuhan infrastruktur ICT dan penyediaan platform digital bagi tujuan perkongsian maklumat merentasi agensi sedang giat diusahakan oleh Kementerian seiring dengan tuntutan Pembelajaran Abad ke-21 dan juga Revolusi Industri 4.0. Namun, Kementerian percaya bahawa pengukuhan kaedah tersebut perlu diperhebatkan lagi sesuai dengan kehendak cabaran semasa di mana amalan pendidikan negara perlu berubah dan proses pendigitalan dengan penggunaan platform dalam talian atau pembelajaran maya akan terus diperkasa apatah lagi dalam normal baharu kehidupan kita akibat daripada pandemik Covid-19 yang kini melanda dunia.

Sama seperti tahun sebelumnya, Kementerian Pendidikan Malaysia sekali lagi menerima antara peruntukan belanjawan terbesar dari Kerajaan. Ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan adalah sebahagian agenda utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah negara. Dengan pelaburan yang besar ini juga bermakna ia satu amanat dan tanggungjawab berat yang perlu dipikul oleh semua pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan agar setiap sen pelaburan itu akan memberi pulangan pelaburan yang baik. Namun, pendidikan bukan hanya tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia ataupun hampir 500 ribu guru di sekolah semata, malah ia juga merupakan tanggungjawab hampir setiap lapisan rakyat daripada ibu bapa, komuniti sehinggalah kepada masyarakat umum. Semoga dengan komitmen padu warga pendidikan dan kerjasama yang berterusan daripada semua pihak, pendidikan negara akan terus cemerlang!



# PRAKATA

**DATUK DR. HABIBAH BINTI ABDUL RAHIM**  
**KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kini sudah berada di penghujung gelombang 2, dan Alhamdulillah kita telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif penting bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi murid seperti yang digariskan dalam pelan tersebut.

Antara pencapaian yang dapat dibanggakan adalah penurunan peratus keciciran secara konsisten saban tahun di peringkat rendah dan menengah. Sesungguhnya penurunan ini menunjukkan keberhasilan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyediakan akses pendidikan kepada semua. Penekanan terhadap kualiti pendidikan yang juga merupakan antara fokus utama telah menunjukkan peningkatan khususnya dalam pencapaian murid dalam peperiksaan awam bagi hampir semua mata pelajaran pada tahun 2019. Peningkatan kualiti ini bukan sahaja berlaku di peringkat kebangsaan, malahan di peringkat antarabangsa menerusi pencapaian PISA. Malaysia telah berjaya melonjak dari kedudukan satu pertiga terbawah ke kedudukan satu pertiga pertengahan dalam kalangan negara yang mengambil pentaksiran antarabangsa PISA bagi tahun 2018. Keputusan tersebut sekaligus meletakkan Malaysia dalam landasan yang betul untuk menuju ke arah aspirasi PPPM iaitu menjadi negara dalam kelompok satu pertiga terbaik dalam pencapaian PISA.

Selain memastikan akses dan kualiti pendidikan diperkasa, sistem pendidikan juga perlu memastikan kesaksamaan dalam keberhasilan murid terutama merapatkan jurang pencapaian antara gender serta jurang pencapaian murid di bandar dan luar bandar. Pelbagai inisiatif dan sokongan tambahan yang diberikan termasuk Program Transformasi Daerah dan Program Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif PPPM juga banyak bergantung kepada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh semua pihak. Pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta merupakan sebahagian ekosistem pembelajaran selain warga pendidikan. Pada awal gelombang 2, usaha telah ditumpukan ke arah memperkukuhkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta. Pada tahun 2019, KPM telah memperbanyakkan lagi usaha dalam meningkatkan bilangan rakan strategik dengan sektor swasta. Ini dapat dilihat menerusi 9,245 kerjasama awam – swasta yang telah dimeterai dengan KPM.

Di sebalik kejayaan yang dicapai, KPM juga akur dengan cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2019. Namun, segala halangan tersebut dijadikan pengajaran bagi memperbaiki pelaksanaan dan pengoperasian inisiatif di masa hadapan. Bagi memastikan PPPM kekal pada landasan yang tepat, semakan secara komprehensif sedang dijalankan melalui tiga fasa Kajian Pertengahan Penggal PPPM. Semakan serta kajian ini telah menggariskan penambahan atau penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan PPPM kekal relevan seiring dengan trend serta keperluan semasa.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang telah melestari dan memperhebatkan pelaksanaan inisiatif PPPM pada tahun 2019. KPM sentiasa tekak untuk memastikan aspirasi PPPM ini dicapai. Saya yakin kesungguhan dan iltizam semua pihak mampu memacu sistem pendidikan untuk menuju aspirasi yang disasarkan. Semoga kita semua akan terus bekerja sama secara efisien dan efektif di tahun mendatang serta komited terhadap mencapai keberhasilan agenda transformasi pendidikan.

**BERSAMA-SAMA MELANGKAH LEBIH JAUH!**





# PRAKATA

**DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS**  
**MANTAN KETUA SETIAUSAHA**  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu ingin saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi kerana saya diberi peluang memastikan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kekal berada di landasan yang betul bagi mencapai keberhasilan seperti yang dihasratkan. Tanggungjawab yang besar ini saya galas dengan penuh komitmen oleh kerana pencapaian yang signifikan mesti diperolehi dan ditunjukkan bagi mendapatkan kepercayaan daripada kumpulan yang menerima perkhidmatan daripada Kementerian.

Laporan Tahunan PPPM 2019 ini agak berbeza dari tahun-tahun sebelumnya dari segi penyampaian serta penampilannya. Namun ia masih memainkan peranan sebagai dokumen pihak Kementerian yang melaporkan segala pencapaian, status dan cabaran yang dihadapi Kementerian secara telus, dalam melaksanakan transformasi pendidikan negara.

Kementerian tetap giat berusaha memastikan setiap perancangan dan aspirasi yang digariskan dalam PPPM dapat dicapai. Pada tahun 2019, PPPM telah memasuki tahun ketujuh iaitu hampir ke penghujung pelaksanaannya dalam gelombang 2 (2016-2020). Justeru, pelbagai program yang direncanakan telah dilaksanakan dengan perbelanjaan yang berhemah untuk memastikan aspirasi sistem dan aspirasi murid dapat dicapai dan dirasai oleh kumpulan-kumpulan sasaran.

Peruntukan yang diagihkan kepada semua inisiatif PPPM pada tahun 2019 telah diteliti dan diperincikan melalui beberapa siri '*challenge sessions*' disebabkan kesedaran, tanggungjawab, amanah serta dedikasi tinggi warga Kementerian terhadap rakyat agar setiap kekangan dapat diatasi. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada warga Kementerian dan PADU kerana telah melaksanakan perancangan

pendidikan sehabis baik melalui perbelanjaan berhemah dan pelaksanaan program secara berfokus. Kaedah pelaksanaan yang dilakukan dengan menjar semula dan mengagihkan peruntukan mengikut susunan keutamaan dan program yang menyokong keberhasilan murid, telah menyebabkan peruntukan yang diperolehi berjaya dioptimumkan tanpa menjejaskan objektif yang telah ditetapkan.





## **MENINGKATKAN AKSES DALAM PENDIDIKAN**

Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat E-9*






PENINGKATAN AKSES DARIPADA **PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS**

**Visi:** Semua kanak-kanak mendapat akses pendidikan yang berkualiti daripada peringkat prasekolah hingga peringkat menengah atas

**Objektif Inisiatif:**

- Setiap kanak-kanak berpeluang mendapat pendidikan yang berkualiti daripada peringkat prasekolah hingga menengah atas
- Mencapai matlamat pendidikan global *Sustainable Development Goal 4 (SDG4-Education 2030)* yang telah dipersetujui bersama-sama UNESCO
- Menyokong Dasar Pendidikan Wajib 11 tahun yang akan dikuatkuasa dalam Gelombang 3, PPPM 2013-2025


**Enrolmen Semua Peringkat Pendidikan**



Selari dengan aspirasi sistem, **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025**, iaitu menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua kanak-kanak, Kementerian komited dalam melaksanakan pelbagai usaha menyempurnakan hak kanak-kanak di Malaysia terhadap pendidikan berkualiti yang seiring dengan pertumbuhan fizikal dan mental mereka. Sejak inisiatif berkaitan akses diberikan penekanan pada tahun 2013 sehingga kini, enrolmen semua peringkat pendidikan semakin meningkat.

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan





PENINGKATAN AKSES DARIPADA **PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS** (SAMBUNGAN)

**Visi:** Semua kanak-kanak mendapat akses pendidikan yang berkualiti daripada peringkat prasekolah hingga peringkat menengah atas

**Peratus Keciciran**



Sejak dipantau pada tahun 2016 sehingga kini bagi memastikan semua kanak-kanak umur persekolahan tidak tercicir daripada pendidikan, kadar keciciran murid telah menunjukkan tren penurunan.

**Kaedah Pengiraan Keciciran Murid di Sekolah Rendah bagi tahun 2019**

Peratus murid cicir sekolah rendah kerajaan, bantuan kerajaan dan swasta

$$\frac{[\text{Bil murid sekolah rendah (D2 hingga D6) 2019} - \text{Bil murid sekolah rendah (D1 hingga D5) 2018}]}{\text{Bil murid sekolah rendah D1 hingga D5 2018}} \times 100$$


**Kaedah Pengiraan Keciciran Murid di Sekolah Menengah bagi tahun 2019**

Peratus murid cicir sekolah menengah kerajaan, bantuan kerajaan dan swasta

$$\frac{[\text{Bil murid sekolah menengah (Ting 2- Ting 5) 2019} - \text{Bil murid sekolah menengah (Ting 1-Ting 4) 2018}]}{\text{Bilangan murid sekolah menengah Ting 1 hingga Ting 4 2018}} \times 100$$

Pada tahun 2019 peratus enrolmen TVET di peringkat menengah atas telah menurun kepada 4.60%. Isu utama penurunan tersebut adalah disebabkan oleh isu akreditasi bagi 219 program di Kolej Vokasional (KV) yang terlibat. KPM sedang dalam proses mendapat akreditasi penuh (MQA-02) daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

**Peratus Enrolmen TVET 15+ tahun ke Aliran Vokasional**



Penangguhan ini telah menyebabkan kira-kira 6,390 tempat tidak dapat ditawarkan kepada murid yang berminat untuk mengikut program-program vokasional di KV pilihan mereka.






### PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI **MURID BERKEPERLUAN KHAS**

**Visi:** Murid Berkeperluan Khas berpeluang mencapai potensi individu secara optimum

#### Objektif Inisiatif:

- Meningkatkan akses kepada pendidikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) daripada peringkat prasekolah sehingga pendidikan lepas menengah
- Meningkatkan potensi MBK supaya mereka mampu berdikari dan memanfaatkan keupayaan dan kebolehan ke arah kehidupan bermakna untuk kesejahteraan diri, keluarga, komuniti dan negara.
- Meningkatkan kefahaman dan kesedaran warga sekolah dan masyarakat tentang MBK dan Pendidikan Khas

#### Peratus Murid Berkeperluan Khas (MBK) berada dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI)




#### Apakah Program Pendidikan Inklusif?

PPI merupakan program pendidikan bagi murid berkeperluan khas di mana mereka hadir ke sekolah dan berada dalam kelas yang sama dengan murid arus perdana yang lain, di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan.

#### Peratus Kebolehpasaran Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Selari dengan inisiatif PPI yang diperkenalkan, peratus kebolehpasaran MBK juga mula dipantau pada 2018 dengan baseline 30%



#### Definisi Kebolehpasaran MBK

Peratus kebolehpasaran MBK mengambil kira MBK yang:

- melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar sama ada di Institut Pengajian Tinggi (IPT), Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) atau Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS), atau
- bekerja sama ada di sektor awam, swasta atau secara sendiri.

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas






PENINGKATAN KUALITI **PENDIDIKAN VOKASIONAL**

**Visi:** Graduan vokasional bersahsiah unggul dan berkemahiran tinggi memenuhi keperluan industri untuk pembangunan ekonomi, sosial dan teknologi.

**Akreditasi program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) bagi tahun 2019**

Pada tahun 2019, 17 program DVM telah ditauliahkan akreditasi penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan 16 program DVM dalam bidang teknologi telah mendapat akreditasi daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Ini menjadikan kumulatif program DVM yang telah mendapat akreditasi penuh daripada badan akreditasi MQA dan MBOT sehingga 2019 adalah 112 program.

**Kebolehpasaran graduan Kolej Vokasional**  
(Peratus graduan mendapat pekerjaan selepas 6 bulan bergraduati)



*Sumber: Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET (KSPG-TVET), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional*

**Objektif Inisiatif:**

- Kebolehpasaran graduan adalah indikator kepada akses pendidikan teknikal dan vokasional yang berkualiti.
- Meningkatkan kompetensi graduan KV memenuhi keperluan industri domestik dan antarabangsa.

Senarai program yang telah mendapat akreditasi oleh MQA dan MBOT setakat tahun 2019:

1. Diploma Senireka Fesyen
2. Diploma Seni Kulinari
3. Diploma Kosmetologi
4. Diploma Agroindustri Ternakan Ruminan
5. Diploma Agroindustri Ternakan Poltri
6. Diploma Agroindustri Tanaman
7. Diploma Hortikultur
8. Diploma Seni Bina Landskap
9. Diploma Teknologi Mekanisasi Agro



1. Diploma Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara
2. Diploma Teknologi Pemesinan Industri
3. Diploma Teknologi Elektrik
4. Diploma Teknologi Elektronik
5. Diploma Teknologi Pembinaan
6. Diploma Teknologi Automotif
7. Diploma Teknologi Kimpalan







## **MENINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN**

Semua kanak-kanak akan berpeluang mendapat pendidikan cemerlang berdasarkan keunikan sistem pendidikan di Malaysia, dan setanding dengan sistem terbaik antarabangsa

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat E-10*






PEMARTABATAN **PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

**Visi:** Murid berketerampilan bahasa Melayu

**Objektif Inisiatif:**

- Meningkatkan amalan pedagogi terkini kepada guru Bahasa Melayu (kurikulum, kokurikulum, pentaksiran, Pembangunan Profesionalisme Berterusan, Penyelidikan dan Inovasi) untuk meningkatkan pencapaian murid secara holistik.
- Memastikan standard kompetensi berbahasa Melayu dalam kalangan guru, murid dan komuniti berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) ke arah pembentukan identiti nasional.

**Peratus Peningkatan Pencapaian Murid dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu bagi Peperiksaan Awam (SPM) (mencapai kredit)**



**20 bahagian di Kementerian, JPN dan IPG telah menghadiri Penataran KSBM** berbanding sasaran awal sebanyak 12 bahagian



**Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM)**

Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) dibangunkan sebagai satu piawai bahasa untuk menentukan tahap pemerolehan dan penguasaan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu.

KSBM merupakan asas rujukan penentuan tahap kompetensi berbahasa dalam kalangan pengguna dan penutur jati dan bukan penutur jati bahasa Melayu.






**PENGUKUHAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS**

**Visi:** Setiap murid mencapai penguasaan bahasa Inggeris yang diaspirasikan berdasarkan piawaian antarabangsa CEFR


**Objektif Inisiatif:**

- Setiap pelajar akan menguasai kemahiran berbahasa Inggeris yang diajar berasaskan *The Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR).

**Pencapaian bagi kertas Bahasa Inggeris SPM (Peratus Lulus Bahasa Inggeris)**



**Bilangan sekolah yang melaksanakan Dual Language Programme (DLP)**



Sumber: English Language Teaching Centre

**Bilangan sekolah yang melaksanakan Highly Immersive Programme (HIP)**

HIP telah berjaya dilaksanakan di semua sekolah rendah serta sekolah menengah.

Pada 2019 pelaksanaan **HIP telah diperluaskan** ke:



*The Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) merupakan satu kerangka antarabangsa yang di bina oleh Majlis Eropah (*Council Of Europe*) bertujuan menyeragamkan tahap profisiensi dalam empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Kerangka CEFR ini boleh digunakan untuk mana-mana bahasa bagi tujuan tersebut dan ia mempunyai enam tahap penguasaan kemahiran penggunaan bahasa iaitu:

- A1** - Permulaan (*Beginner*)
- A2** - Kemahiran Asas (*Elementary*)
- B1** - Pertengahan (*Intermediate*)
- B2** - Pertengahan Atas (*Upper Intermediate*)
- C1** - Maju (*Advance*)
- C2** - Mahir (*Proficient*)

(sumber: <https://www.englishprofile.org> dan <https://www.cambridgeenglish.org/>)



Scan QR untuk video CEFR






**PENGUKUHAN PENDIDIKAN STEM**

**Visi:** Negara mempunyai modal insan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang berkualiti dan mencukupi bagi memacu ekonomi.

**Objektif Inisiatif:**

- Meningkatkan minat murid terhadap STEM melalui pendekatan pembelajaran secara formal, bukan formal dan tidak formal.
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan pendidikan STEM melalui program peningkatan kompetensi guru.
- Meningkatkan kesedaran murid dan orang awam melalui kempen kesedaran pendidikan STEM menerusi pelbagai peringkat.

**Peratus Enrolmen Aliran STEM Pada Peringkat Menengah Atas**



Dapatan daripada **Bengkel Pelan Tindakan Strategik STEM Kebangsaan (2017)** menyatakan terdapat penurunan minat STEM secara global walaupun terdapat permintaan yang semakin meningkat untuk Bakat STEM. Negara-negara seperti Finland, Amerika Syarikat dan Singapura juga menunjukkan trend penurunan bilangan pelajar dalam bidang STEM sama seperti di Malaysia. Justeru, KPM sedang berusaha bagi mempergiatkan aktiviti pembudayaan STEM di kalangan murid di sekolah untuk menggalakkan lebih ramai murid cenderung memilih aliran STEM.



**PROGRAM CITRA ANGKASA 2019**

Program Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan usahasama Planetarium Negara, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Pusat STEM Negara dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini bertujuan untuk mendedahkan murid dan guru kepada perkongsian aspirasi Program Angkasawan Negara serta kepakaran dan pengetahuan dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan



PEMBUDAYAAN **KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)**  
DALAM **PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK21)**


**Visi:** Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.

**Objektif Inisiatif:**

- Membangunkan murid yang berpengetahuan, berkemahiran berfikir aras tinggi dan berdaya saing di peringkat global selaras dengan KBAT.
- Melahirkan rakyat Malaysia yang holistik dan seimbang dari segi intelek, rohani, fizikal dan emosi seiring dengan penghayatan identiti nasional yang kukuh selaras dengan PAK21.
- Meningkatkan kemenjadian murid selaras dengan aspirasi meletakkan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam kalangan negara peserta TIMSS & PISA.

**Peratus pencapaian guru yang melaksanakan strategi PAK21**  
(*Flipped Classroom*)

<b>59.68%</b> (1,267 orang guru)	mencapai tahap <b>CEMERLANG</b> Sekolah Menengah: <b>638 guru (60.13%)</b> Sekolah Rendah: <b>629 guru (59.23%)</b>
<b>34.62%</b> (735 orang guru)	mencapai tahap <b>BAIK</b> Sekolah Menengah: <b>374 guru (35.25%)</b> Sekolah Rendah: <b>361 guru (33.99%)</b>
<b>5.61%</b> (119 orang guru)	mencapai tahap <b>SEDERHANA</b> Sekolah Menengah: <b>48 guru (4.52%)</b> Sekolah Rendah: <b>71 guru (6.69%)</b>
<b>0.09%</b> (2 orang guru)	mencapai tahap <b>LEMAH</b> Sekolah Menengah: <b>seorang guru (0.09%)</b> Sekolah Rendah: <b>seorang guru (0.09%)</b>



Pencapaian **MALAYSIA** dalam  
**PISA 2018**  
Programme for International Student Assessment



Malaysia menunjukkan peningkatan yang signifikan dan berjaya berada pada kedudukan satu pertiga pertengahan bagi negara yang menyertai PISA 2018

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian





PEMBUDAYAAN **KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)**  
DALAM **PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK21)** (SAMBUNGAN)

**Visi:** Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.



**Pentaksiran Kompetensi dan Literasi Sekolah (PKLS)**

ialah pentaksiran pembelajaran untuk mengukur tahap penguasaan KBAT bagi murid sekolah rendah dan menengah, di samping mengukur kesiapsiagaan murid menghadapi pentaksiran antarabangsa.

Tiga kaedah pentaksiran ditawarkan mengikut kesesuaian murid dan sekolah iaitu secara:

- i) bertulis (pen dan kertas);
- ii) dalam talian; atau
- iii) luar talian (komputer)

Murid boleh menjawab pentaksiran dalam 4 (empat) pilihan bahasa bagi sekolah rendah dan 2 (dua) pilihan bahasa bagi sekolah menengah.

**Tahap kompetensi PKLS:**

- <400 - rendah
- 400-499 - sederhana
- ≥500 - tinggi

**Pencapaian skor purata Pentaksiran Kompetensi dan Literasi Sekolah Rendah (PKLSR)**

**2019**  
(Baseline)

**Definisi Skor**

**Saintifik**

**448**

Murid dapat mengenal fakta asas mengenai Sains hayat dan Sains fizikal.

**Matematik**

**455**

Murid mempunyai pengetahuan tentang nombor bulat, perpuluhan, operasi dan graf asas.

**Bacaan**

**558**

Murid boleh mengguna pengetahuan formal untuk membuat hipotesis dan menunjukkan pemahaman tepat tentang teks panjang atau kompleks.



**Kewangan**

**461**

Murid boleh menggunakan pengetahuan mengenai produk kewangan biasa dan istilah dan konsep kewangan yang biasa digunakan. Murid boleh menggunakan maklumat untuk membuat keputusan kewangan dalam konteks yang relevan dalam kehidupan murid.

PKLSR 2019 melibatkan murid tahun 5 (2019) daripada 1,284 buah sekolah rendah



PEMBUDAYAAN **KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)**  
DALAM **PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK21)** (SAMBUNGAN)

**Visi:** Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.

**Pencapaian skor purata Pentaksiran Kompetensi dan Literasi Sekolah Menengah (PKLSM)**

2018

**2019**

**Definisi Skor**

467



523

- Mengenal pasti atau membina penerangan untuk keadaan yang biasa dialami dengan panduan atau sokongan yang relevan;
- Menjalankan eksperimen mudah dalam konteks terhad;
- Membeza isu saintifik daripada yang bukan saintifik; dan
- Mengenal pasti evidens yang menyokong sesuatu dakwaan saintifik.

372



322

- Menjawab soalan yang melibatkan konteks yang biasa dialami, mempunyai maklumat dan dinyatakan secara jelas;
- Mengenal pasti maklumat dan menjalankan langkah rutin menurut arahan terus dalam
- Menjalankan tindakan yang sudah jelas dan mengikut terus stimulus yang diberi.

504



512

- Mempunyai kemahiran membuat hubung kait, perbandingan dan penerangan, atau menilai sesuatu ciri; dan
- Menunjukkan pemahaman yang baik tentang teks berkaitan pengetahuan am.

TIADA



449

Murid boleh menggunakan pengetahuan mengenai produk kewangan biasa dan istilah dan konsep kewangan yang biasa digunakan. Murid boleh menggunakan maklumat untuk membuat keputusan kewangan dalam konteks yang relevan dalam kehidupan murid.

PKLSM 2019 melibatkan murid tingkatan 1 dan 2 (2019) daripada 297 buah sekolah menengah





## PELIBATAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN SWASTA

**Visi:** Pelibatan ibu bapa, komuniti dan swasta secara meluas dalam membangunkan ekosistem pembelajaran di sekolah dan di luar waktu persekolahan

### Objektif Inisiatif:

- Memanfaatkan kelebihan pelbagai pihak yang berbeza dalam menyampaikan pendidikan berkualiti.
- Meningkatkan akses dan kualiti di sekolah kerajaan dengan kerjasama dan komitmen pihak ibu bapa, komuniti dan swasta sebagai rakan kerja kementerian.
- Meningkatkan kecemerlangan sekolah dengan kerjasama pintar pihak ibu bapa, komuniti dan swasta yang melaksanakan bidang keutamaan berfokus.

Sebanyak **9,245** kerjasama awam-swasta dalam pendidikan pada 2019 (melebihi sasaran 2019 sebanyak 6,793 iaitu 5% peningkatan daripada bilangan kerjasama awam-swasta tahun 2018)



Pelaksanaan Majlis *Corporate Engagement* bersama-sama YB Menteri Pendidikan pada 21 Jun 2019 dalam usaha meraikan kerjasama sektor swasta yang telah diberikan kepada KPM.



Konvensyen PIBKS Kebangsaan pada 25-27 Nov 2019 telah berjaya mengumpul seramai 500 peserta yang terdiri daripada Pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pengetua, Guru Besar, YDP PIBG, Kumpulan Penggerak Ibu bapa dan Komuniti Kebangsaan (KPIBKK) serta GPK HEM seluruh negara. Objektif konvensyen ini diadakan bertujuan **meningkatkan kebersamaan semua pihak yang berkepentingan bagi memperkasakan inisiatif PIBKS.**

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian



PEMANTAPAN PROFESIONALISME **PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)**

**Visi:** Memantapkan Profesionalisme dan Meningkatkan Kualiti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di pelbagai peringkat

**Objektif Inisiatif:**

- Meletakkan profesionalisme PPP setanding dengan standard antarabangsa (*Southeast Asia Teachers Competency Framework (SEA-TCF)*).
- Memperkukuhkan kemajuan kerjaya dan kompetensi PPP berdasarkan kecekapan dan prestasi PPP di semua peringkat.
- Membina upaya dan keluwesan PPP melalui Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB).
- Meningkatkan kualiti PPP melalui bimbingan dan sokongan sepanjang tempoh perkhidmatannya.

**Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)**

	2018	2019
Peserta yang mencapai tahap <b>CEMERLANG</b>	<b>15.98%</b> 224 Peserta	<b>34.65%</b> 386 Peserta
Peserta yang mencapai tahap <b>BAIK</b>	<b>84.02%</b> 1,178 Peserta	<b>65.35%</b> 728 Peserta

**1,910 Senior Leadership Team (SLT)**

daripada sekolah rendah telah mendapat manfaat daripada latihan dan bimbingan instruksional Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

**Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM2.0)**



diadaptasi berdasarkan *Southeast Asia Teachers Competency Framework (SEA-TCF)* telah diluluskan pada 3 Oktober 2019.

Etika Guru Malaysia (EGM) telah siap dibangunkan pada 2019 dan digabungkan dengan SGM2.0 pada tahun 2020



**Standard Guru Malaysia (SGM)**

SGM menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Dokumen ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan dalam usaha melahirkan dan meletakkan guru berkualiti. Dokumen ini akan disemak semula secara berkala bagi tujuan penambahbaikan berterusan.

Sumber: Bahagian Profesionalisme Guru





PEMERKASAAN **INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB) DAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)**

**Visi:** Memperkasakan IAB dan IPG setanding dengan institusi latihan antarabangsa.

**Objektif Inisiatif:**

- Meningkatkan kompetensi generik dan fungsional pemimpin serta pensyarah institusi pendidikan
- Memperoleh pengiktirafan dan peningkatan kualiti bagi program institusi pendidikan
- Memperkasa aktiviti keserjanaan melalui kepelbagaian aktiviti ke tahap yang lebih tinggi oleh semua pemimpin dan pensyarah institusi pendidikan

Peratus pensyarah serta pemimpin IAB dan IPG berjaya melengkapkan kursus peningkatan kompetensi generik dan fungsional sekurang-kurangnya pada tahap tinggi



**Pemimpin**

**20%** (16 Orang)

**Pensyarah**

**20%** (54 Orang)



**Pemimpin**

**6.6%** (38 Orang)

**Pensyarah**

**29.2%** (730 Orang)



**13.8%**  
51 Orang



**31.2%**  
698  
Orang



**Scholarly Activities**

atau aktiviti keserjanaan seperti penyelidikan, penerbitan jurnal berimpak tinggi dan berindeks *Scopus*, jurnal berwasit dan inovasi

Sumber: Institut Aminuddin Baki



**PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI SEKOLAH RENDAH (PLaN)**

**Visi:** Murid Tahap 1 mencapai Tahap Penguasaan 3 (iaitu murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa) berasaskan Standard Prestasi DSKP bagi Literasi BM, Literasi BI dan Numerasi di sekolah rendah kecuali Murid Berkeperluan Khas.

**Objektif Inisiatif:**

- Murid Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3 mencapai sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan 3 berasaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi BM, BI dan Matematik.
- Guru BM, BI, dan Matematik meningkatkan keberkesanan pedagogi terutama dalam aspek pemulihan BM, BI dan Matematik bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang menarik, berkesan dan berkualiti.
- JPN, PPD, guru besar, panitia dan guru BM, BI, dan Matematik mendapatkan pementoran dan bimbingan secara berterusan.

**LINUS2.0** ➔ **PLaN**

PLaN merupakan inisiatif baharu PPPM 2013-2025 yang akan dilaksanakan mulai tahun 2020 bagi menggantikan LINUS2.0 serta memperkasa pelaksanaannya dengan memberi autonomi kepada sekolah bagi merangka program masing-masing yang sesuai dengan keperluan murid di sekolah mereka.



Pada tahun 2019 PLaN dilaksanakan secara rintis di **54 buah sekolah** terpilih berdasarkan 6 aktiviti utama intervensi PLaN



Penghasilan bahan pengajaran harian yang terperinci bagi BM dan Matematik



Pelaksanaan *Professional Learning Community* (PLC) yang berkesan dan berfokuskan perancangan pelajaran



Penggunaan sistem bank item pentaksiran formatif yang menyokong pentaksiran bilik darjah (PBD)



Penambahbaikan latihan pengurusan instruksional




Penetapan indikator pencapaian utama (*improvement-based targets*)



Kempen kesedaran kepada ibu bapa

PLaN dilaksanakan secara dalaman oleh sekolah dengan mengambil kira pembelajaran terbeza dan berfokus dalam kalangan murid, berdasarkan

**4 fokus:**



Menambah baik pengajaran dan pembelajaran



Memperkasa pengurusan sekolah



Memperkukuh pelibatan Ibu Bapa



Mempertingkatkan intervensi awal





## **MENINGKATKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN**

Sistem pendidikan yang terbaik menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira etnik, tempat atau latar belakang sosioekonomi. Sistem pendidikan yang direncanakan bagi Malaysia ialah semua kanak-kanak warganegara, tanpa mengira siapa ibu bapa mereka atau tempat mereka belajar, akan dilengkapi keperluan untuk membuka segala peluang bagi masa depan mereka.

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat 2-4*






TRANSFORMASI **PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PERIBUMI**

**Visi:** Kesamarataan akses pendidikan murid Orang Asli dan Peribumi seiring dengan arus perdana.


**Objektif Inisiatif:**

- Menyediakan peluang pendidikan yang relevan dengan keperluan murid Orang Asli dan Peribumi selari dengan pendidikan arus perdana.
- Meningkatkan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti murid Orang Asli dan Peribumi.


**Peratus Purata Kehadiran Murid Orang Asli di Sekolah Orang Asli**




**Peratus Purata Kehadiran Murid Peribumi. (Sabah dan Sarawak)**



**Pencapaian Murid Orang Asli Menguasai Tahap Minima (MTM) dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)**



**Peratus Transisi Murid Orang Asli dari tahun enam ke tingkatan satu**



Terdapat penurunan peratus transisi murid Orang Asli dari tahun enam ke tingkatan satu. Antara faktor utamanya adalah **lokasi sekolah** menengah yang jauh dari penginapan murid Orang Asli dan **integrasi antara murid** Orang Asli dengan murid-murid lain yang masih rendah

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian





## TRANSFORMASI **PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PERIBUMI** (SAMBUNGAN)

**Visi:** Kesamarataan akses pendidikan murid Orang Asli dan Peribumi seiring dengan arus perdana.

### Program Khas Orang Asli dan Peribumi bagi tahun 2019

**Perkongsian Amalan Terbaik Sekolah Murid Orang Asli dan Peribumi** di BPSH pada 11-12 September 2019 melibatkan 70 orang guru-guru dari 98 buah Sekolah Murid Orang Asli dan Peribumi di 9 (sembilan) negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

**Kolokium Sekolah Murid Orang Asli Kebangsaan** pada 23-25 September di Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang melibatkan 220 orang guru dan 450 murid Orang Asli dari 114 buah sekolah murid Orang Asli dan Peribumi seluruh Malaysia.

**Program Ikon Murid Orang Asli** peringkat negeri Pahang diadakan pada 7-9 Oktober 2019 di SK Satak, Raub, Pahang melibatkan seramai 31 orang murid Orang Asli di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seluruh Malaysia.

Pelaksanaan **Program Khas Murid Orang Asli (Jom Belajar)** di Kampung Aring, Gua Musang Kelantan melibatkan 22 orang murid Orang Asli kaum Bateq yang tidak pernah bersekolah menerima akses pendidikan

Pelaksanaan **Program Chup Badui Sikulah (CBS)** di SK Kuala Tahan, Jerantut Pahang melibatkan 43 orang murid Orang Asli kaum Bateq menerima akses pendidikan

**Program Peningkatan Kehadiran murid Peribumi** Dusun Bonggi, Sabah dan Penan, Sarawak dilaksanakan pada 2 -4 Oktober 2019.

**Program Karnival Kesedaran Pendidikan** Dusun Bonggi (Sabah) dan Penan (Sarawak) pada 11 - 13 November 2019



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian




**PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)**

**Visi:** Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) berupaya menjalankan peranan secara cekap dan berkesan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di setiap sekolah.


**Objektif Inisiatif:**

- Meningkatkan pencapaian sekolah melalui negeri dan daerah dengan memperkasakan kepimpinan tempatan, menetapkan sistem bagi mencapai matlamat yang sama, memberi sokongan kepada organisasi yang paling memerlukan, serta memantau, menyelesaikan masalah dan mengambil tindakan.


**Jurang Pencapaian Gred Purata SPM Bandar dan Luar Bandar Tahun 2012 - 2019**




**Peratus Pencapaian Layak Sijil SPM Tahun 2016-2019**



**Jurang Peratus Layak Sijil SPM Mengikut Status Sosioekonomi 2017-2019**



**Jurang Peratus Layak Sijil SPM Mengikut Jantina 2016-2019**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian






**PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP) (SAMBUNGAN)**

**Visi:** Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) berupaya menjalankan peranan secara cekap dan berkesan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di setiap sekolah.

**Peratus PPD Bagi Setiap Standard Penarafan Kecemerlangan PPD (PKPPD), 2019**




**Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah (PKPPD)**

**Objektif Pengukuran:**

- Mengenal pasti tahap dan potensi PPD dari aspek kepimpinan, organisasi dan keberhasilan.
- Mengenal pasti amalan terbaik dan penambahbaikan berterusan dalam kalangan PPD.
- Memantau kecekapan dan keberhasilan inisiatif untuk mengupayakan PPD.

**Pencapaian PPD yang Melebihi Standard Minima PKPPD (2017-2019)**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian





## **MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM PENDIDIKAN**

Kementerian akan memastikan pihaknya mempunyai kebolehan dan keupayaan menyediakan pelbagai jenis dan peringkat sokongan yang sesuai untuk sekolah dan murid. Usaha ini memerlukan transformasi asas dalam organisasi Kementerian bagi membangunkan JPN dan PPD yang lebih rapat dan lebih sesuai dalam memenuhi keperluan khusus sekolah.

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat 6-1*





### PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS DI SEMUA SEKOLAH

**Visi:** Semua sekolah mempunyai infrastruktur yang berada dalam keadaan kondusif

#### Objektif Inisiatif:

- Semua sekolah mempunyai kemudahan infrastruktur asas untuk penyampaian kurikulum dan pedagogi yang lebih berkesan.
- Semua murid mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti melalui suasana pembelajaran yang kondusif tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis sekolah.

**Projek naik taraf bangunan daif di 7 buah sekolah** telah siap pada tahun 2019 dan memberi manfaat kepada **3,101 orang murid dan 305 orang guru**

1. SK Sungai Dua, Pulau Pinang
2. SK Parit Tok Ngah, Perak
3. SK Telok Jamat, Kedah
4. SK LB Johnson, N. Sembilan
5. SK Seri Paya, Johor
6. SK Bandar Bintangor, Sarawak
7. SMK Iskandar Shah, Melaka



Sumber: Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS)

#### Definisi Naik taraf:

- Kerja-kerja menaik taraf fizikal bangunan/infrastruktur sedia ada ke tahap yang lebih baik (termasuk membina bangunan tambahan).
- Kerja-kerja merubah struktur/saiz sedia ada.
- Perolehan kelengkapan/perabot dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/infrastruktur yang dinaik taraf.

**Kumulatif Bilangan Projek Naik Taraf Bangunan Daif Yang Siap Sepenuhnya dari tahun 2016-2019**



**15,176 unit kuarters** berjaya diselenggara dengan memberi manfaat keselesaan kepada warga KPM khususnya para guru

Sumber: Bahagian Pembangunan



## PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI **BANTUAN PERSEKOLAHAN KPM**

### Visi:

Semua Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bukan Kerajaan (SBK) mendapat pembiayaan yang saksama mengikut keperluan dan keadaan semasa.

### Objektif Inisiatif:

- Memanfaatkan kecekapan dengan mengagihkan peruntukan mengikut keutamaan.
- Mengoptimumkan penggunaan peruntukan yang disalur untuk keberhasilan murid.
- Kesaksamaan dalam pengagihan peruntukan bantuan persekolahan mengikut keperluan dan keadaan semasa

## Penambahbaikan Kaedah Pembiayaan Bantuan Persekolahan

Garis Panduan Penambahbaikan Kaedah Pembiayaan bagi Bantuan Persekolahan (Bantuan Umum) KPM telah diluluskan pada 2019. Garis Panduan ini telah mengambil kira dapatan berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan di 232 buah sekolah di Negeri Sembilan serta akan digunakan sepenuhnya mulai tahun 2020.

Penambahbaikan ini merangkumi autonomi dalam pengurusan kewangan bagi **lapan bantuan persekolahan umum KPM**

1. Bantuan Geran Per Kapita
2. Bantuan Geran Per Kapita Prasekolah
3. Yuran Khas Sekolah
4. Bantuan Kokurikulum Sekolah
5. Bantuan Kokurikulum Prasekolah
6. Bantuan Makanan Prasekolah
7. Bantuan Sukan Sekolah
8. Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan



*Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan*



### PELAKSANAAN TRANSFORMASI ICT DAN PENINGKATAN PENGURUSAN DATA KPM

**Visi:** Ekosistem ICT yang mantap bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan KPM

#### Objektif Inisiatif:

- Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan KPM melalui penggunaan teknologi ICT terkini yang sesuai dan berkeupayaan tinggi;
- Meningkatkan akses tanpa sempadan kepada sistem aplikasi KPM serta menyediakan platform ICT untuk perkongsian maklumat yang merentasi agensi melalui pengukuhan infrastruktur ICT KPM.

#### Pembangunan Model Data dan Kamus Data KPM

Pelaksanaan Model Data dan Kamus Data KPM merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Transformasi ICT KPM 2019-2023. Sehubungan itu, Projek Pembangunan Model Data dan Kamus Data KPM telah bermula pada 1 Mac 2019 dan siap dibangunkan pada 27 Ogos 2019.

Inisiatif ini menghasilkan model data dan kamus data yang standard untuk digunakan dalam pembangunan sistem bagi memudahkan perkongsian data di seluruh KPM dan juga dengan Kementerian atau agensi lain.



#### Faedah Model Data KPM:

- Mewujudkan piawai dan keseragaman struktur data bagi aplikasi-aplikasi baharu KPM dan seterusnya dapat meminimumkan capaian sistem.
- Melancarkan proses perkongsian data di seluruh KPM dan juga dengan kementerian atau agensi lain;
- Menjadi sumber rujukan utama gudang data (*data warehouse*);
- Menyelaraskan hubungan antara sistem dengan lebih baik dengan mempercepatkan pemrosesan keperluan mengenal pasti struktur data;
- Menyelesaikan jurang utama dalam definisi dan hubungan data;
- Menggalakkan guna semula data dan menghapuskan pertindanan data;
- Pemantapan perkongsian data merentasi KPM dan meningkatkan keserasian dan konsistensi data.

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat





## **MEMBANGUNKAN NILAI DAN SAHSIAH MURID DAN MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN**

Identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara, diperlukan untuk kejayaan dan masa depan Malaysia. Setiap murid akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat E-11*





## PEMBANGUNAN NILAI, SAHSIAH DAN PERPADUAN DI SEKOLAH

### Visi:

Modal insan yang berpengetahuan, berilmu, beretika, efektif dan berakhlak untuk memacu pertumbuhan negara bangsa yang mampan dan inklusif.

### Objektif Inisiatif:

- Menangani isu gejala sosial.
- Melahirkan warganegara yang mempunyai kualiti dalam semua aspek kehidupan baik dari segi pendidikan, tingkah laku (moral), pekerjaan, cara berfikir dan bertindak, kesedaran sivik yang tinggi serta sedar peranan mereka kepada agama, masyarakat dan negara.
- Memberikan nilai tambah yang boleh meningkatkan ciri kebolehpasaran murid di peringkat global.

## Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM)

### Penurunan sebanyak

**41%**

Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi (SBDT) pada 2019



### Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi (SBDT)

ditakrifkan sebagai :

- sekolah rendah atau sekolah menengah yang mempunyai 50% atau lebih murid melakukan salah laku kategori berat daripada enrolmen pada tahun yang dinilai; atau
- mana-mana sekolah rendah atau menengah yang mempunyai murid yang disahkan positif dadah oleh AADK.

**> 95%**

sekolah telah mencapai skor minimum 3 (daripada 4) dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang 2 (SKPMg2) menunjukkan bahawa hampir keseluruhan sekolah telah merancang dan melaksanakan program perpaduan melalui pelbagai medium.

*Sumber: Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian*






## **MELANGKAH KE HADAPAN**

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan atau *Education Performance and Delivery Unit* (PADU) yang berperanan mamacu pelaksanaan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merentas Kementerian dan sekolah. Secara khususnya, PADU akan memantau kemajuan, menyelesaikan isu pelaksanaan dengan pegawai bertanggungjawab dan mengurus komunikasi bersama-sama pihak berkepentingan tentang tranformasi.

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat E-30*





**KAJIAN PERTENGAHAN PENGGAL PPPM 2013-2025**

**Latar Belakang:**

- Kajian Pertengahan Penggal PPPM 2013-2025 dilaksanakan secara strategik di pertengahan pelaksanaan PPPM 2013-2025 bagi mengkaji prestasi dan cabaran untuk perancangan penambahbaikan.

**Gelombang 1**

(2013 – 2015):

Mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran utama

**Gelombang 2**

(2016 – 2020):

Memacu peningkatan sistem

**Gelombang 3**

(2021 – 2025):

Menganjak kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi

**2017:**

**Kajian Pertengahan Penggal PPPM fasa 1**

**Objektif:**

Mengkaji jurang dalam pencapaian sasaran PPPM dan menyelaraskan perubahan dalam lanskap pendidikan, polisi serta aspirasi nasional baharu.

**5 inisiatif utama yang terpilih untuk fasa 1:**

- Penerapan KBAT di dalam PAK21
- Mempertingkatkan Pendidikan STEM
- Memperkukuhkan Pendidikan Bahasa Inggeris
- Menyediakan Infrastruktur Asas kepada Semua Sekolah
- Pelaksanaan Program Transformasi Daerah

**2018 – 2019:**

**Kajian Pertengahan Penggal PPPM fasa 2**

**Objektif:**

Mengkaji semula dasar pendidikan negara dari peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat universiti yang meliputi

**5 tonggak utama iaitu:**

- Pembangunan Murid
- Pendidik dan Pemimpin Pendidikan
- Infostruktur dan Infrastruktur
- Pelaksanaan dan Prestasi
- Struktur Sistem Pendidikan

**2020:**

**Kajian Pertengahan Penggal PPPM fasa 3 : STOCKTAKE**

**Objektif:**

Mengkaji jurang pencapaian sasaran PPPM serta merangka strategi inisiatif bagi memacu pencapaian PPPM untuk Gelombang 3.





## EDUFLUENCER

### Objektif Inisiatif:

- Mengenal pasti guru yang layak dilantik menjadi suri tauladan dan agen perubahan bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau dikenali sebagai *Edufluencer*.
- Menyokong usaha berterusan KPM untuk membentuk sebuah komuniti guru (dalam dan luar talian) yang mengamalkan perkongsian amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.



### **Edufluencer**

merupakan singkatan kepada **Education Influencer** yang bermaksud **suri tauladan** bagi bidang **Pendidikan**

### Peranan utama *Edufluencer*:

1. Sebagai **agen perubahan** dalam bidang pendidikan yang mampu memberikan inspirasi kepada rakan pendidik lain dengan perkongsian amalan terbaik.
2. **Berkongsi inovasi dan teknologi** dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) melalui platform media sosial masing-masing.
3. **Menjadi suara KPM** bagi menyebarkan maklumat sahih dari KPM kepada warga pendidikan serta pihak awam.



Sepanjang program berlangsung, semua guru *Edufluencer* telah menjalani latihan berkenaan kaedah penataran teknik pengajaran dan pembelajaran, serta penyampaian mesej secara efektif.

Scan kod QR  
untuk video program





© Kementerian Pendidikan Malaysia 2020

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Laporan Tahunan 2019

Julai 2020

ISSN : 0128-0295

Diterbitkan oleh:

Kementerian Pendidikan Malaysia

Blok E8, Parcel E, Presint 1

Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604, Putrajaya, Malaysia

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

**Kementerian Pendidikan Malaysia**  
Blok E8, Parcel E, Presint 1  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604, Putrajaya, Malaysia

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)